

Dr **Mohd Yahya Mohd Ariffin**



(Profesor Madya dan Timbalan Dekan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia)

# Elak muflis pada usia muda

**B**erdasarkan rekod Jabatan Insolvency menunjukkan ramai diisytiharkan muflis termasuk golongan muda di negara ini akibat kegagalan membayar balik hutang. Statistik menunjukkan sebanyak 243,823 kes dilaporkan di antara 2005 hingga Jun 2012.

Daripada jumlah itu, kes disebabkan beban hutang membabitkan pinjaman kereta adalah tertinggi iaitu 25 peratus diikuti, pinjaman peribadi (13 peratus), pinjaman perumahan (13), pinjaman perniagaan (12), hutang kad kredit (5), penjamin sosial (5), penjamin korporat (5) dan hutang cukai pendapatan (1).

Laporan BH baru-baru ini menunjukkan lebih 50,000 orang muda berusia bawah 34 tahun diisytiharkan muflis di negara ini dalam tempoh lima tahun lalu. Selain disebabkan beban hutang di atas, mereka turut menjadi mangsa penipuan disebabkan penggunaan butiran peribadi mereka oleh peminjam tidak dikenali.

Pada 2011 Ketua Pegawai Eksekutif Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Datuk Paul Selva Raj pernah mendedahkan bahawa sebanyak 41 belia di negara ini yang berumur lingkungan 21 hingga 40 tahun dianggarkan menjadi muflis setiap hari akibat kurang pengetahuan berkai-

tan pengurusan kewangan. Ini bermakna dalam tempoh setahun sebanyak 14,965 belia tergolong sebagai muflis.

Pihak kerajaan cuba membantu dengan mengkaji semula akta dan undang-undang sedia ada bagi mengatasi masalah ini seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri, baru-baru ini.

Itulah kesan yang perlu ditanggung akibat berhutang.

Sangat benarlah sabda Rasulullah SAW yang maksudnya: "Berhati-hatilah kamu dalam berhutang, sesungguhnya hutang itu mendatangkan kerisauan di malam hari dan menyebabkan kehinaan di siang hari" (Riwayat al-Baihaqi).

Penulis percaya graduan lepasan institusi pengajian tinggi (IPT) tidak terlepas daripada masalah ini teruta-

ma dalam penggunaan kad kredit yang tidak terkawal. Ini menyebabkan mereka gagal membayar balik hutang akibat perbelanjaan melebihi pendapatan.

Lazimnya pendapatan bulanan melayakkan mereka memohon kad kredit dari bank-bank komersial. Selain itu, mereka membeli kereta walaupun baru bekerja beberapa bulan menyebabkan terpaksa menanggung bayaran bulanan kereta, petrol, tol, pakir dan servis secara berkala.

Lebih parah jika yang dibeli itu kereta terpakai yang tidak tahu sejarah penggunaan pemilik sebelum ini yang mungkin menyebabkan kos penyelenggaraan lebih tinggi.

Jika trend ini berterusan tentunya keadaan ini memberi kesan negatif kepada masa depan negara kerana mereka tergolong sebagai muflis. Hal ini kerana lepasan IPT ialah modal insan berkualiti dan tonggak

kepada pembangunan ekonomi negara.

Tidak dinafikan bahawa dalam hidup setiap individu akan berhutang. Berhutang kerana pelbagai tujuan seperti membeli kenderaan untuk kemudahan, rumah untuk tinggal, perabot atau keperluan hidup yang lain untuk penyelesaian. Cuma yang membezakan seseorang itu ialah bagaimana mengurus hutang masing-masing dengan bijaksana.

Laporan media baru-baru ini menunjukkan sebanyak 83,331 peserta program pengurusan kredit Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) berjaya dibantu daripada diisytiharkan muflis sejak 2006 sehingga 31 Oktober lepas.

## Punca muflis

Berdasarkan analisis yang dilakukan oleh pelbagai pihak terdapat beberapa tindakan yang menyebabkan seseorang itu muflis.

- 1 Menggunakan kad kredit secara tidak terancang. Berbelanja melebihi kemampuan untuk membayar balik semua hutang. Menangguh pembayaran bulanan kad kredit walaupun serendah lima peratus boleh menyebabkan hutang meningkat berlipat ganda sehingga mencapai 20 peratus setahun.
- 2 Membuat simpanan seperti amanah saham dan simpanan tetap sebanyak 10 peratus pendapatan setiap bulan
- 3 Berbelanja secara berhemah mengikut keperluan dan bukan kemahuan.
- 4 Berhati-hati membuat keputusan apabila berhasrat memohon kad kredit dan pinjaman peribadi yang ditawarkan oleh institusi kewangan. Pastikan anda boleh membayar jumlah yang ditetapkan pada setiap bulan.
- 5 Mengikuti seminar atau program pengurusan kewangan yang dianjurkan oleh Bank Negara, bank-bank komersial, AKPK atau IPT dari semasa ke semasa.
- 6 Merekodkan semua hutang supaya tidak terlupa membayarnya pada masa yang ditetapkan bagi mengelak dikenakan faedah pinjaman.

## Cara mengelak muflis

Pakar-pakar pengurusan kewangan memberi beberapa panduan dan nasihat untuk menghindari muflis iaitu:

- 1 Memperuntukkan 15 peratus daripada gaji bulanan untuk tujuan membayar hutang.

Bakal-bakal graduan harus melihat isu ini secara serius supaya terhindar daripada perangkap hutang seterusnya membawa kepada muflis pada usia muda.

Anda boleh merujuk pihak AKPK untuk mendapat kaedah terbaik cara mengurus wang dengan melayari laman web [www.akpk.org.my](http://www.akpk.org.my) atau talian bebas tol 1800-88-2575.